

JAWATAN	:	JURUTERA
GRED JAWATAN	:	J9
SKIM PERKHIDMATAN	:	JURUTERA
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	:	TETAP
LOKASI	:	JOHOR BAHRU
JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	:	RM2,250.00 – RM11,110.00
 		PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.1/2024
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	:	RM225.00
IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM	:	RM300.00 SEBULAN
IMBUHAN TETAP PERUMAHAN	:	RM300.00 SEBULAN
BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP	:	RM300.00 SEBULAN

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) (i) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - (ii) berdaftar sebagai Jurutera Siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred J9: RM2,690.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera Gred JA5, JA6, JA7 dan JA8 dan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB5, AB6, AB7 dan AB8 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan
 - (a) i. mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau
 - ii. lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia/Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan

- paksa 55 atau 56 tahun; atau
- ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

SYARAT UNIVERSITI:

1. Keutamaan kepada calon yang memiliki sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/SPMV serta berkeupayaan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris, sama ada secara lisan mahupun penulisan.
2. Keutamaan latar belakang dalam bidang Kejuruteraan (Elektrik atau Mekanikal)

i. Bidang Kejuruteraan Elektrik

Mempunyai kompetensi yang baik dan berpengetahuan di dalam rekabentuk, penyenggaraan, pengurusan aspek perundangan, statutori, garis panduan, piawai dan proses troubleshooting fasiliti dan infrastruktur sepertimana berikut:

1. Sistem HT, LV dan ELV
2. Sistem Genset
3. Sistem Audio Video
4. Sistem Tenaga Solar
5. Sistem CCTV
6. Sistem Akustik

ii. Bidang Kejuruteraan Mekanikal

Mempunyai kompetensi yang baik dan berpengetahuan di dalam rekabentuk, penyenggaraan, pengurusan aspek perundangan, statutori, garis panduan, piawai dan proses troubleshooting fasiliti dan infrastruktur sepertimana berikut:

1. Sistem Hawa Dingin dan Pengudaraan
2. Sistem Pencegah Kebakaran
3. Sistem Lif dan Mesin Angkat
4. Sistem Motor Elektrik & Pam
5. Sistem Sewage Treatment Plant (STP)
6. Sistem Bekalan Air Domestik dan Sanitari
7. Sistem Liquefied Petroleum Gas (LPG)
8. Sistem Pengandung Tekanan Tak Berapi
9. Sistem Akustik & Getaran

DESKRIPSI TUGAS:

1. Menguruskan dokumentasi untuk perolehan kerja termasuk menyelia, menyemak dan mengesahkan penyediaan spesifikasi, skop kerja dan lukisan reka bentuk yang lestari.
2. Merancang keperluan peruntukan tahunan dan mengawal perbelanjaan mengikut sasaran yang ditetapkan seksyen/ jabatan.
3. Menyediakan jadual perancangan kerja tahunan dan menyemak jadual perancangan kerja/ projek yang dikemukakan oleh pihak kontraktor untuk disahkan oleh Pegawai Penguasa.
4. Menyelaras bersama pihak berautoriti, pasukan kerja, seksyen-seksyen dan PTJ terlibat bagi setiap kerja yang diuruskan sama ada sebelum, semasa dan selepas kerja/projek selesai.
5. Menyelia dan memantau prestasi staf dibawah seliaan dan memastikan prestasi staf sentiasa mencapai sasaran yang ditetapkan.
6. Menguruskan bayaran interim kontraktor dan memastikan prestasi kontraktor yang dilantik sentiasa mencapai sasaran dengan kualiti kerja yang ditetapkan.
7. Menyedia dan memberikan laporan prestasi bulanan staf dan kontraktor dibawah seliaan/ kawalan kepada pihak pengurusan seksyen/ jabatan.
8. Melaksanakan arahan kerja yang diberikan dari masa ke semasa dan melibatkan diri dalam aktiviti rasmi jabatan dan universiti.

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian <https://mohonjawatan.utm.my/lantikan/> dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang sah, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang melepassi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. (Pengesahan oleh Pegawai Gred 9 dan ke atas).
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.